

USIM peneraju lahirkan generasi Al Abrar



Oleh FARABI SHEIKH SAID AL JABRI

MEMBANGUNKAN tradisi keilmuan Islam, mencetuskan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi melalui kesepaduan ilmu aqli dan naqli.

Tulah antara penekanan dan fokus utama Program Permata Insan yang ditubuhkan khas di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan tujuan melahirkan bakal ilmuwan pemikir Islam yang agung berteraskan al-Quran dan sunah dari awal usia.

Program yang dilancarkan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor di USIM pada 12 Mac 2010 merupakan kesinambungan dan perluasan daripada Program Permata Negara melibatkan kanak-kanak berumur lapan tahun yang berkebolehan tinggi atau pintar dalam memahami, mentafsir, menghafaz dan mengaplikasi al-Quran dan sunah dalam kehidupan.

Turut dititik beratkan ialah aspek kehidupan serta menghubungkaitkannya dengan sains, teknologi, matematik dan sebagainya serta mampu membangunkan tradisi keilmuan Islam.

Selain itu juga bagi mencetuskan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi melalui kesepaduan ilmu aqli dan naqli agar ia seimbang dengan duniawi dan ukhrawi.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail (*gambar*) menjelaskan, program itu dicetuskan atas kesedaran bahawa dunia kini ketandusan para cendekiawan Islam yang dapat mengembalikan keagungan tamadun dan keilmuan Islam terdahulu dalam



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعِلْمِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

menepati kepesatan teknologi dan ilmu.

Malah katanya, apabila menyebut ilmuwan Islam sahaja tumpuannya hanya akan terarah kepada nama-nama besar seperti Ibnu Sina, Al Khwarizmi Al Razi dan Al Farabi satu ketika dahulu dan bukannya sebagai ilmuwan Islam terkemuka ketika ini.

"Jika kita lihat umat Islam mempunyai populasi 1.57 bilion orang ketika ini dan hanya mempunyai 10 pemegang anugerah Nobel Laureates yang mana enam daripada mereka adalah tokoh keamanan manakala dua lagi dalam bidang sains.

"Lebih mengejutkan apabila kita melihat populasi Yahudi yang hanya seramai 13 juta namun merekalah yang paling ramai sekali menerima anugerah berkenaan dalam pelbagai bidang iaitu seramai 79 orang sehingga kini," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Jelasnya, inisiatif itu selari dengan hasrat kerajaan melalui Kementerian Pelajaran untuk menjana dan melahirkan Muslim Nobel Laureates pada masa depan berteraskan konsep Al Abrar.

Mengulas mengenai keistimewaan program tersebut, Asma memberitahu Permata Insan menekankan aspek pembangunan individu secara holistik dengan membangun, menyediakan dan melaksanakan kurikulum khas, namun ia

tidak bertentangan dengan sistem pendidikan semasa di negara ini.

Bagaimanapun katanya, mereka ini lebih melibatkan diri dalam aspek kursus tertentu universiti dengan keterlibatan dalam penyelidikan dan lain-lain lagi.

Pendidikan

"Program ini menyediakan pendidikan yang sesuai dengan pembelajaran kanak-kanak pintar. Mereka perlu kepada pembelajaran yang lebih terkehadapan serta mencabar menepati aras kesukaran yang telah ditanda aras.

"Malah ia juga dapat memaksimumkan potensi pelajar pintar Islam dengan menyediakan dan melaksanakan kaedah pembelajaran yang berbentuk tumpuan pelajar, pembelajaran yang dipacu, kajian pembelajaran dan pembelajaran penyelesaian masalah," katanya.

Jelas Asma, ia adalah perlu bagi membolehkan pelajar menjadi lebih kreatif, inovatif dan aktif serta mempunyai daya inkuiri yang tinggi dengan rangsangan minda untuk menerapkan elemen teknologi dalam pemikiran bercorak futuristik.

Ujarnya, mereka yang terpilih masih meneruskan pendidikan di sekolah arus perdana, pada masa sama dibekalkan dengan modul pendidikan khas melalui e-learning dan wajib melengkapkan tujuh

modul yang disediakan.

Menyentuh soal pemilihan pelajar, Asma menjelaskan, mereka akan diuji secara bertulis bagi menilai tahap pengetahuan dan amalan akidah, fikah, sejarah, tajwid dan kebolehan dalam tulisan Jawi, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

Tidak terkecuali mereka ini juga akan diuji bacaan al-Quran dan hafazan bagi mengetahui tahap kebolehan dan keupayaan mereka dengan betul dari segi kefasihan, tajwid dan taranum.

Pada masa yang sama pihaknya juga akan menemubual ibu bapa pelajar bertujuan bagi melihat sejauh mana komitmen mereka terhadap pendidikan anak-anak dan persetujuan untuk bekerjasama dalam menayakan program Permata Insan ini sekiranya anak mereka terpilih.

"Bagi tenaga pengajar pula mereka ini terdiri dari pensyarah yang berkelayakkan untuk membimbing mereka kerana kita sedar pelajar -pelajar ini mempunyai daya pemikiran yang sangat kritis.

"Setiap tahun kita akan mengambil 50 orang dan setakat ini kita telah mengambil 120 orang pelajar dan sambutan yang diterima cukup menggalakkan dengan jumlah terkumpul sebanyak 27,304 permohonan," ujarnya.

Tambah Asma, Kolej Permata Insan yang sedang dibina di dalam kampus ini membolehkan pelajar berinteraksi dan mempercepatkan proses kematangan serta pembelajaran dalam usaha melahirkan para saintis, teknokrat, penyelidik, cendekiawan dan profesional Islam pada masa depan.